

Gesa hidupkan semula perbincangan FTA Malaysia-EU

Hamburg: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi gesaannya menghidupkan semula perbincangan mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia - Kesatuan Eropah (EU) (MEUFTA).

Merujuk kepada hubungan ekonomi kukuh dinikmati Malaysia dan Jerman, Perdana Menteri berkata, kekuatan hubungan itu dibuktikan oleh Malaysia sebagai rakan dagang terbesar Jerman di Asia Tenggara, dan Jer-

man menjadi rakan dagang terbesar Malaysia di Eropah.

“Saya percaya bahawa kekuatan hubungan dua hala kita harus diteruskan kepada mengukuhkan integrasi serantau. Berdasarkan kepercayaan bersama, masanya sudah tiba untuk kita menghidupkan semula perbincangan mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-EU.

“Dengan ini, Eropah akan dapat memanfaatkan Malaysia se-

bagai pintu masuk ke Asia, mengangkat dasar pasaran terbuka yang difasilitasi Perdagangan Bebas Asean Perjanjian, Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP),” katanya.

Anwar berkata demikian ketika menyampaikan ucapan istiadat di Ostasiatisches Liebesmahl ke-101 (Makan Malam Per-

sahabatan Asia Timur), dianjurkan oleh OAV German Asia-Pacific Business Association (OAV) di Dewan Bandaraya Hamburg.

Ostasiatisches Liebesmahl adalah satu acara tahunan terpenting yang secara tradisinya berlangsung di sini bagi meraikan hubungan negara itu dengan Asia, yang biasanya dihadiri tokoh terkemuka dari bidang ekonomi, politik dan diplomasi.

Yang turut hadir, Menteri Pe-

laburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Duta Besar Malaysia ke Jerman, Datin Paduka Dr Adina Kamarudin dan Datuk Bandar Hamburg, Peter Tschentscher.

MEUFTA adalah antara isu dibincangkan Anwar ketika peremuannya dengan Naib Canselor Jerman Robert Habeck, yang juga Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Tindakan Iklim Jerman ketika bertemu di Berlin.